



13 Januari 2012
13 January 2012
P.U. (A) 12

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KOPERASI (PENGAMBILALIHAN KAWALAN) 2012

CO-OPERATIVE SOCIETIES (ASSUMPTION OF CONTROL) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KOPERASI 1993

PERINTAH KOPERASI (PENGAMBILALIHAN KAWALAN) 2012

BAHAWASANYA Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengadakan suatu pemeriksaan di bawah seksyen 64 Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] ke atas Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad dan perbadanan yang berkaitan dengannya dari 18 Mei 2011 hingga 20 Mei 2011 dan dari 14 Julai 2011 hingga 15 Julai 2011:

BAHAWASANYA setelah mengkaji semua laporan dapatan pemeriksaan, Suruhanjaya berpuas hati bahawa Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad menjalankan perniagaannya mengikut suatu cara memudaratkan kepentingan Koperasi itu dan anggotanya serta melanggar peruntukan Akta:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(2) Akta, Suruhanjaya membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) 2012**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh dari 16 Januari 2012 bagi tempoh yang tidak melebihi dua tahun.

Pengambilalihan kuasa

2. Suruhanjaya melantik Nooh bin Tokio (No. KP. 580907-01-5977) untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad dan perbadanan yang berkaitan dengannya, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya.

Kos dan perbelanjaan

3. Apa-apa kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Suruhanjaya berhubung dengan pengambilalihan kawalan di bawah perenggan 2 hendaklah kena dibayar